



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	18/3/2013

Meskipun pembangkang perkecil pengorbanan anggota keselamatan

# Rakyat tetap terhutang budi

UM - 18/3/2013

**LAHAD DATU** 17 Mac – Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yakin, rakyat tetap terhutang budi kepada pasukan keselamatan meskipun dimanipulasi pembangkang kononnya krisis pencerobohan pengganas di sini adalah satu sandiwara.

Beliau berkata, rakyat tidak termanakan propaganda pembangkang untuk memperkecil pasukan keselamatan kerana hakikinya, sudah sembilan nyawa terkorban, dan seorang anggota tentera maut dalam kemalangan ketika menyerai konvoi Operasi Daulat.

“Saya yakin rakyat terhutang budi dan yakin dengan semangat pasukan keselamatan kita. Ini sikap rakyat Malaysia apabila menghadapi keadaan ini, dan akan bersatu dalam mempertahankan negara.”

“Walau ada parti politik cuba pecahkan, tetapi rakyat terus sokong pasukan keselamatan,” katanya ketika berucap di Dewan Semai Bakti, Desa Kencana, Felda Sahabat hari ini.

Dr Mahathir turut beramah mesra dan bertanya khabar dengan 200 anggota pasukan keselamatan di dewan berkenaan.

Beliau juga berharap semua rakyat, terutama di Sabah, memberi penghargaan tinggi kepada pasukan keselamatan yang bertungkus-lumus mempertahankan kedaulatan negara daripada ancaman luar.

Masyarakat Sulu di Sabah juga turut menolak tindakan pengganas itu, walaupun mereka adalah sebangsa, katanya.

Sehubungan itu, Dr. Mahathir



**DR. MAHATHIR** Mohamad melaungkan kata-kata semangat bersama anggota keselamatan yang terlibat dalam Ops Daulat ketika hadir di Dewan Semai Bakti, Desa Kencana, di Felda Sahabat, Lahad Datu, semalam. Turut hadir Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar dan Pesuruhjaya Polis Sabah, Datuk Hamza Taib.

berkata, Malaysia harus mempertingkatkan kekuatan pertahanan negara tanpa perlu bergantung kepada mana-mana pihak.

Beliau juga yakin pentadbiran di bawah Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak akan berusaha mempertingkatkan pertahanan negara

mengikut kesesuaian muka bumi Sabah dan tidak akan membenarkan serangan pengganas berlaku lagi pada masa depan.

“Saya ucapkan terima kasih kepada pasukan keselamatan yang berkorban nyawa mempertahankan negara,” katanya. - BERNAMA